

## Mesej Empat

### **Mempersiapkan Diri Kita untuk Kedatangan Tuan dengan Menjadi Abdi yang Setia dan Bijaksana**

Bacaan Bible: Mat. 24:45-51

- I. **“Jadi, siapakah abdi yang setia dan bijaksana, yang dipertanggungjawabkan oleh tuan atas keluarganya untuk memberi mereka makanan pada masa yang wajar? Berberkatlah abdi itu yang didapati sedang berbuat demikian apabila tuannya datang. Sesungguhnya Aku berkata kepada kamu bahawa tuan abdi itu akan mempertanggungjawabkannya atas segala harta miliknya”—Mat. 24:45-47:**
- A. Ekonomi Tuhan dalam kepercayaan ialah ekonomi “rumah tangga-Nya”, pentadbiran rumah tangga-Nya, untuk mendispenkan diri-Nya dalam Kristus ke dalam umat pilihan-Nya, supaya Dia memperoleh rumah untuk mengekspresikan diri-Nya; rumah ini ialah gereja, iaitu Tubuh Kristus—1 Tim. 1:4; 3:15; Ef. 2:19.
  - B. Abdi yang setia dan bijaksana ialah seorang penyelenggara dalam rumah Tuhan, seorang pentadbir rumah tangga yang mendispenkan Kristus sebagai “makanan” kepada percayawan-Nya—1 Kor. 9:17; Ef. 3:2; 1 Kor. 4:1; 1 Ptr. 4:10:
    - 1. Kesetiaan ditujukan kepada Tuan (1 Kor. 4:2; 7:25), manakala kebijaksanaan diamalkan terhadap percayawan (bd. Kol. 1:28; 2 Taw. 1:10; Flp. 4:5).
    - 2. Dalam manifestasi kingdom syurga-syurga, Tuan akan mempertanggungjawabkan abdi yang setia atas segala harta milik-Nya; ini akan menjadi ganjaran kepada abdi-Nya—Mat. 25:21, 23.
  - C. *Memberi mereka makanan* merujuk kepada meministerkan sabda Tuhan dan Kristus sebagai bekalan hayat kepada percayawan dalam gereja; Kristus sebagai Roh beri-hayat ialah makanan kita yang terjasad dan direalisasikan dalam sabda hayat—24:45; Yoh. 6:57, 63, 68:
    - 1. Untuk menikmati Tuan sebagai makanan rohani kita agar kita dapat memberi makan kepada orang lain, kita perlu menerima sabda-Nya melalui segala doa dan dengan merenungi sabda-Nya, membicarakan sabda-Nya dengan kuat menerusi banyak pertimbangan—Ef. 6:17-18; Mzm. 119:15 (lihat nota kaki), 48, 148; Yos. 1:8; Im. 11:2-3; Yeh. 3:1-4; Kol. 3:16.
    - 2. Kita perlu terus berteguhan dalam doa dan dalam ministri sabda—Kis. 6:4; bd. Ibr. 7:25; 8:2.
    - 3. Kita perlu bertutur-sabda untuk membina gereja—membicarakan hal yang telah kita lihat dengan sabda hidup kepunyaan hayat ini di bawah inspirasi, pengurapan, dan pencahayaan ketika itu yang segar daripada Roh Kudus menerusi kita melatih roh—1 Kor. 14:4b; Kis. 5:20; 4:20; 22:15.
    - 4. Kita perlu mendoakan diri kita ke dalam Tuhan untuk menerima Roh beri-hayat sebagai bekalan kita, makanan rohani kita, untuk memberi makan kepada diri kita dan orang yang berada di bawah jagaan kita—Luk. 11:1-13.
    - 5. Kita perlu menjadi “peminta” yang memberi hayat, iaitu saluran bagi Roh beri-hayat yang dapat memberi hayat kepada orang lain—1 Yoh. 5:16.
    - 6. Kita perlu menjadi “anak minyak yang segar”, iaitu orang yang sentiasa dipenuhi Roh yang segar, yang sekarang, dan yang terkonsumasi itu yang merupakan minyak keriangan, untuk mengalir keluar Roh itu ke dalam kaki pelita demi kesaksiannya yang bersinar, yakni kesaksian Yesus—Za. 4:6, 12-14; Flp. 1:25; Wahi 3:18; Mat. 25:9:
      - a. Setiap hari kita perlu membayar harga untuk memperoleh lebih banyak Tuhan sebagai minyak emas dalam sifat divin-Nya supaya kita dapat menjadi kaki pelita emas yang tulen untuk membina Yerusalem Baru emas—2 Ptr. 1:4; Wahi 3:18; 1:20; 21:18; Mat. 25:8-9.
      - b. Apabila kita mengaplikasikan hal ini pada pengalaman kita hari ini, kita

melihat bahawa Roh itu yang mengalir keluar daripada kita ialah Tuhan, dan Tuhan ialah emas; dengan itu, apabila kita meministerkan Kristus kepada orang, membekalkan minyak kepada mereka, kita sebenarnya membekalkan Tuhan kepada mereka; Tuhan mengalir keluar daripada kita ke dalam mereka—Za. 4:12-14; Yoh. 7:37-39; 2 Kor. 3:3, 6, 8; Luk. 10:34.

**II. “Tetapi jika abdi yang jahat itu berkata dalam hatinya, Tuan aku lambat datang, dan mula memukul rakan seabdinya serta makan dan minum dengan pemabuk, tuan abdi itu akan datang pada hari yang tidak disangka-sangka dan pada waktu yang tidak diketahuinya, dan akan mengeratnya kepada dua dan menentukan bahagiannya dengan orang munafik. Di situ akan ada tangisan dan kertakan gigi”—Mat. 24:48-51:**

- A. Mengatakan dalam hati kita bahawa Tuan kita lambat datang bererti mengasihi zaman jahat sekarang dan tidak mengasihi penampilan diri Tuan—2 Tim. 4:8, 10:
1. Perkataan Yunani bagi *kedatangan* ialah *parousia*, yang bermakna “hadirat”; jika kita mengasihi penampilan diri Tuan, kedatangan-Nya, kita harus mengasihi penampilan diri-Nya, hadirat-Nya pada hari ini—Mat. 24:3, 37; Kis. 26:16; 2 Kor. 2:10; *Kidung*, #290.
  2. Selagi kita mempunyai hari ini, kita harus mengasihi Tuan dan penampilan diri-Nya, menantikan kedatangan-Nya dan mengambil kedatangan-Nya sebagai satu amaran, galakan, dan insentif—2 Tim. 4:8; Flp. 3:20; Wahi 22:12.
  3. Kita perlu berjaga-jaga dan bersiap sedia untuk kedatangan-Nya—Mat. 25:13; 24:44; Wahi 19:7.
  4. Kita perlu awas akan kedahukan, tidak menyimpan harta untuk diri sendiri, tetapi kaya terhadap Tuhan—Luk. 12:16-20; 2 Kor. 6:10; Ef. 3:8.
  5. Kita perlu ingat akan isteri Lot, tidak mengasihi dan menghargai dunia jahat yang akan dihakimi dan dihapuskan sepenuhnya oleh Tuhan—Luk. 17:28-32.
  6. Kita perlu berjaga-jaga dan memohon selalu agar hari kedatangan Tuan tidak akan menimpa kita dengan tiba-tiba bagaikan jerat—21:34-36; bd. Mat. 2:3.
  7. “Datanglah, Tuan Yesus!”—ini seharusnya merupakan kedamaian, seruan, dan doa yang berterusan daripada orang yang mengasihi Tuan dan penampilan diri-Nya—Wahi 22:20; Tit. 2:12-13.
- B. Memukul rakan seabdi kita bererti menganiayai rakan percayawan—bd. Kis. 9:4:
1. Kita tidak harus menghakimi dan mengutuk rakan percayawan kita, sebaliknya harus bermurah hati terhadap mereka, berhati lembut terhadap mereka, mengampuni mereka, sebagaimana Tuhan dalam Kristus juga telah mengampuni kita—Luk. 6:37; Ef. 4:31-32.
  2. Kita tidak harus mencerca atau mengkritik dikbang kita, sebaliknya harus menganggap mereka lebih unggul daripada diri kita—1 Kor. 6:10-11; Flp. 2:3, 29.
  3. Kita tidak harus mempertuani rakan percayawan kita (seperti membuat keputusan untuk mereka), sebaliknya harus melayan mereka sebagai abdi dengan memberi mereka makan Kristus yang bangkit yang merupakan Roh beri-hayat—1 Ptr. 5:3; Mat. 20:25-28; bd. Bil. 17:8.
- C. Makan dan minum dengan pemabuk bererti bersahabat dengan orang duniawi yang mabuk dengan hal-hal duniawi:
1. Disebabkan sifat divin dan kedudukan kudus percayawan, mereka tidak harus memukul kuk bersama dengan orang yang tidak percaya; hal ini harus diaplikasikan pada semua hubungan intim antara percayawan dengan orang yang tidak percaya, bukan hanya pada perkahwinan dan perniagaan—2 Kor. 6:14; 1 Kor. 15:33; bd. Ams. 13:20.

2. Kita perlu lari daripada nafsu orang muda dan mengejar Kristus almuhit bersama dengan orang yang menyeru Tuan daripada hati yang murni—2 Tim. 2:22.
- D. Abdi yang setia dan bijaksana akan dianjari kuasa untuk memerintah semasa manifestasi kingdom, manakala abdi yang jahat akan dikeratasinkan daripada Kristus yang mulia, daripada kemuliaan kingdom-Nya, dan daripada hadirat-Nya yang mulia dalam kingdom-Nya—Mat. 24:47, 51:
  1. Dikeratasinkan daripada manifestasi kingdom bererti dicampakkan ke dalam kegelapan di luar; di situ akan ada tangisan dan kertakan gigi:
    - a. Kegelapan di luar ialah kegelapan di luar kemuliaan terang dalam manifestasi kingdom—16:28; 25:30.
    - b. Tangisan menunjukkan penyesalan, dan kertakan gigi menunjukkan pernyalahan diri sendiri.
  2. Meraja bersama-sama Kristus atas bangsa-bangsa dalam kingdom milenium akan menjadi hadiah kepada abdi-Nya yang setia dan bijaksana—Wahi 2:26; Luk. 19:17-19.